

UOB PELAN FLEXI CREDIT

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") hendaklah terpakai kepada semua Ahli Kad yang mendaftar UOB Pelan Flexi Credit dan Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan UOB Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard ("Perjanjian Ahli Kad").

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dan Perjanjian Ahli Kad, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai untuk Pelan Flexi Credit. Kecuali ditentukan secara berbeza dalam Terma dan Syarat ini, kata-kata dan ungkapan yang digunakan dalam Terma dan Syarat ini akan mempunyai makna yang serupa seperti dalam Perjanjian Ahli Kad.

1. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Syarikat 199301017069 (271809-K)) akan menawarkan Pelan Flexi Credit ("Program") kepada semua ahli kad utama baru dan sedia ada yang memegang Kad Kredit yang dikeluarkan oleh UOB Malaysia ("Ahli Kad").
2. Ahli Kad boleh memohon melalui UOB Malaysia memindah kepada akaun simpanan atau semasa Ahli Kad yang dipegang di mana-mana bank berlesen di Malaysia dengan jumlah sehingga 80% daripada Had Kredit daripada UOB Malaysia akaun-aluan Kad Kredit dengan syarat bahawa pemindahan sedemikian di bawah Program ini tidak pada satu-satu masa melebihi Had Kredit ("Permohonan").
3. Di bawah Program, akaun Ahli Kad mesti terkini dan berada dalam keadaan baik dengan Had Kredit yang mencukupi boleh memohon Program.
4. Ahli Kad boleh mengemukakan lebih daripada satu (1) Permohonan dengan jumlah minimum RM1,000 setiap Permohonan. UOB Malaysia berhak mutlak untuk meluluskan atau menolak Permohonan dan menentukan amaun yang dibenarkan untuk dipindahkan ("Amaun FCP"). Setelah meluluskan Permohonan di bawah Program ini, Amaun FCP akan dikenakan Kadar Faedah FCP selama tempoh Pelan Kredit Flexi ("Tempoh Ansuran FCP").
5. Ahli Kad mesti memberikan butiran berikut dalam Permohonan:
 - i. Amaun FCP yang ingin dipindahkan.
 - ii. Butiran Ahli Kad akaun simpanan atau semasa di bank berlesen di Malaysia bahawa Amaun FCP yang diluluskan akan dipindahkan
6. Setelah diluluskan, Amaun FCP akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan atau semasa Ahli Kad yang dikekalkan bersama UOB Malaysia atau institusi kewangan lain yang dinyatakan dalam Permohonan melalui:
 - i. Pindahan Inter-Bank Giro ("IBG") ke dalam akaun simpanan atau semasa Ahli Kad yang dikekalkan bersama bank berlesen di Malaysia;
 - ii. Cek yang dikeluarkan oleh UOB Malaysia untuk memihak kepada Ahli Kad dan dimasukkan ke dalam akaun simpanan atau semasa Ahli Kad yang dikekalkan bersama bank berlesen di Malaysia; atau
 - iii. Pindahan dalaman ke akaun simpanan atau semasa Ahli Kad yang dikekalkan bersama UOB Malaysia.

7. Tiada faedah tambahan akan dikenakan sekiranya jumlah ansuran bulanan dibayar sepenuhnya pada atau sebelum Tarikh Akhir Pembayaran yang dinyatakan dalam Penyata Akaun. Sekiranya jumlah ansuran tidak dibayar sepenuhnya pada Tarikh Akhir Pembayaran, akaun akan menjadi tunggakan dan kadar faedah Kad Kredit yang berlaku sebanyak 1.5% sebulan atau 18% setahun atau kadar faedah terkawal akan dicajkan pada ansuran baki masih belum dibayar pada tarikh akhir mengikut dengan Perjanjian Ahli Kad sehingga jumlah ansuran dijelaskan sepenuhnya.
8. Setelah tamat Tempoh Ansuran FCP, baki tertunggak juga akan tertakluk kepada caj kewangan biasa sebanyak Satu Perpuuluh Lima peratus (1.5%) sebulan atau Lapan Belas peratus (18%) setahun atau kadar faedah terkawal yang berlaku akan mengambil kira berkuatkuasa sehingga tarikh pembayaran penuh.
9. Jumlah Amaun FCP dan Faedah FCP akan dibilkan ke Akaun Kad Kredit Ahli Kad dalam Penyata Akaun sejeurus selepas Permohonan Program diluluskan.
10. Selepas Permohonan diluluskan, jumlah Had Kredit Ahli Kad yang sesuai akan disimpan untuk tujuan ini, dan baki Had Kredit yang ada akan dikurangkan dengan sewajarnya. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang urusan niaga yang ditolak oleh peniaga kerana Had Kredit yang tidak mencukupi. Had Kredit akan dipulihkan secara berperingkat mengikut Amaun FCP yang diluluskan telah dibayar balik.
11. Setelah UOB Malaysia meluluskan Permohonan di bawah Program ini, ia dianggapkan bahawa Ahli Kad telah memberikan persetujuan untuk menghentikan perkhidmatan Auto-Apportionment Payment (AAP) untuk akaun Pelan Flexi Credit. Sekiranya Ahli Kad ingin mengekalkan AAP, Ahli Kad kena menghubungi Pusat Hubungan UOB Malaysia (03 – 2612 8121) untuk mendapatkan bantuan lebih lanjut.
12. Bagi setiap Ahli Kad, tarikh kuat kuasa Program hendaklah tertakluk kepada pengeluaran Amaun FCP mengikut Permohonan masing-masing.
13. Dalam keadaan di mana Akaun Kad Kredit yang dipautkan kepada Program ini masih belum diaktifkan oleh Ahli Kad, Permohonan hendaklah berfungsi sebagai persetujuan dan memberi kuasa kepada UOB MALAYSIA untuk mendebit Akaun Kad Kredit dengan jumlah baki tertunggak yang dipindahkan.
14. Ahli Kad boleh membatalkan penyertaannya dalam Program tertakluk kepada penerimaan notis bertulis atau lisan oleh UOB Malaysia daripada Ahli Kad. Ahli Kad perlu memberikan notis melalui secara berikut:
 - mel ke uobcustomerservice@uob.com.my; atau
 - menghubungi Pusat Hubungan UOB Malaysia di talian 03-26128 121
15. Jumlah yang sama dengan satu (1) bulan faedah Pelan Flexi Credit yang perlu dibayar oleh Ahli Kad pada Program (“Penalti Faedah”) akan dikenakan segera sekiranya berlaku perkara berikut:

- i. Ahli Kad menamatkan atau menghentikan Program dengan membuat pembayaran penuh sebelum berakhirnya Tempoh Ansuran FCP;
 - ii. Ahli Kad membatalkan Akaun Kad Kredit sebelum tamat Tempoh Ansuran FCP; atau
 - iii. UOB Malaysia menamatkan atau menutup Akaun Kad Kredit Ahli Kad mengikut Perjanjian Ahli Kad.
16. Sekiranya berlaku penyelesaian awal, tidak akan ada pembayaran balik dari Kadar Faedah FCP yang dikenakan.
17. Setelah menutup Akaun Kad Kredit UOB Malaysia selaras dengan Perjanjian Ahli Kad, Program ini akan segera dihentikan dan Ahli Kad bertanggungjawab untuk menyelesaikan sepenuhnya semua baki tertunggak dan caj yuran yang dikenakan oleh UOB Malaysia di bawah Program ini.
18. Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar cukai atau levi pada tarikh kelulusan Permohonan Ahli Kad untuk Program atau pada tarikh selepas tarikh kelulusan Permohonan Ahli Kad untuk Program, diwajibkan oleh undang-undang untuk dibayar kepada sesiapa atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas UOB Malaysia, berkenaan dengan apa-apa fi dan caj yang dicajkan atau dikenakan oleh UOB Malaysia berkaitan dengan Program yang diberikan kepada Ahli Kad.
19. Ahli Kad memberi kebenaran dan bersetuju bahawa cukai lain atau levi yang dikenakan oleh UOB Malaysia berkenaan Program yang diberi oleh UOB Malaysia kepada Ahli Kad, akan ditanggung oleh Ahli Kad dan dicajkan kepada Ahli Kad dan jika UOB Malaysia membuat bayaran bagi pihak Ahli Kad, Ahli Kad bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada UOB Malaysia untuk amaun yang telah dibayar dan UOB Malaysia berhak mengkreditkan cukai, duti dan levi ke dalam Akaun Kad Kredit.
20. Sebagai tambahan, apabila berlaku salah satu atau lebih peristiwa berikut:
 - i. Melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini;
 - ii. Kejadian lalai di bawah Perjanjian Ahli Kad;
 - iii. Kelewatan atau kegagalan membayar balik sejumlah yang perlu dibayar di bawah Program ini;
 - iv. Kegagalan untuk membayar sebarang wang pada Tarikh Akhir Pembayaran, atau melepaskan sebarang tanggungjawab atau liabiliti yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada UOB Malaysia di bawah mana-mana perjanjian dengan UOB Malaysia atau di bawah sebarang kemudahan perbankan/kredit.;
 - v. Kad Kredit dihentikan atau Akaun Kad Kredit ditutup / digantung dengan alasan apa pun;
 - vi. Menjadi mustahil atau tidak sah bagi UOB Malaysia untuk menyediakan atau terus menyediakan Program ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kematian, kemuflian atau sah ketidakupayaan Ahli Kad atau bahawa peruntukan dalam terma dan syarat ini dinyatakan oleh mahkamah atau yang lain kuasa tidak sah, terbatal atau tidak boleh dilaksanakan;

jumlah tertunggak di bawah Program ini akan segera perlu dibayar dan akan dikenakan faedah Satu Perpuhuan Lima peratus (1.5%) sebulan atau Lapan Belas peratus (18%) setahun atau kadar faedah terkawal kadar faedah yang diatur selaras dengan Perjanjian Ahli Kad.

Keingkaran tersebut juga akan memberi hak kepada UOB Malaysia untuk membatalkan, mencabut, menggantung atau menyekat penggunaan Kad Kredit dan selepas itu untuk menggabungkan semua jumlah tertunggak ke dalam Akaun Kad Kredit utama.

21. Ganjaran UNIRinggit atau Smart\$ Rebat tidak akan diberi di bawah Program ini.
22. UOB Malaysia berhak dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagian, menamatkan, menggantung, mengubah, mengeluarkan dan/atau menambah terma dan syarat di dalam dokumen ini dengan pemberian notis terdahulu sebanyak dua puluh satu (21) hari kepada Ahli Kad melalui maklumat di laman web UOB Malaysia, pemaparan notis di mana-mana cawangan UOB Malaysia dan/atau kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun.
23. UOB Malaysia berhak membatalkan, menamatkan atau menggantung Program ini dengan pemberian notis terdahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantung oleh UOB Malaysia untuk Program tidak akan memberi hak kepada Ahli Kad untuk sebarang tuntutan atau pampasan dari UOB Malaysia untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Ahli Kad secara langsung atau tidak langsung akibat.
24. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas salah tafsiran atau salah pernyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkenaan dengan Program yang disiarkan di mana-mana media, pemasaran atau bahan iklan.
25. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima liabiliti apa pun dan bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli Kad yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Program ini kecuali kecuaiian atau kesalahan salah laku UOB Malaysia yang secara khusus berkaitan dengan Program ini.
26. Ahli Kad hendaklah mendapatkan penjelasan daripada wakil sah UOB Malaysia jika terdapat sebarang terma dan syarat yang tidak difahami oleh Ahli Kad.
27. Terma dan Syarat ini ditadbir dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

Untuk Pelan Flexi Credit yang diluluskan mulai 25 September 2021 dan seterusnya

28. Ansuran prinsip bulanan & ansuran faedah bulanan dikira seperti yang dihuraikan di bawah:
 - i. ansuran prinsip bulanan (dibundarkan kepada sen) = Amaun FCP/Tempoh Ansuran FCP
 - ii. ansuran faedah bulanan (dibundarkan kepada sen) = Amaun FCP * Kadar Faedah FCP/12
29. Ansuran prinsip bulanan untuk bulan terakhir (“ansuran Prinsip Akhir”) mungkin berbeza-beza. Disebabkan ketepatan pembundaran, Ansuran Prinsip Akhir akan dijana dengan jumlah yang sama dengan jumlah prinsip tertunggak, supaya jumlah ansuran prinsip bulanan semua ansuran adalah sama dengan Amaun FCP. Rujuk Contoh 1 di bawah untuk pemahaman yang lebih baik:

Contoh 1:

Amaun FCP	RM10,000
Tempoh Ansuran FCP	12 bulan
Kadar Faedah FCP	9.2%p.a

Bulan	Prinsip Bulanan RM (A)	Faedah Bulanan RM (B)	Ansuran Amaun RM (A) + (B)
Jumlah	10,000	920.04	
1	833.33	76.67	910
2	833.33	76.67	910
3	833.33	76.67	910
4	833.33	76.67	910
5	833.33	76.67	910
6	833.33	76.67	910
7	833.33	76.67	910
8	833.33	76.67	910
9	833.33	76.67	910
10	833.33	76.67	910
11	833.33	76.67	910
12	833.37	76.67	910.04